



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/1980**

**Memfailkan Salinan-salinan Surat Kuasa Wakil Di Pejabat
Pendaftar Atau Pejabat Tanah (Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/1980**

**Memfailkan Salinan-salinan Surat Kuasa Wakil Di Pejabat Pendaftar
Atau Pejabat Tanah (Disemak 2009)**

Pekeliling ini adalah untuk menarik perhatian Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah kepada peruntukan perenggan 309(1)(b) Kanun Tanah Negara yang memerlukan Pendaftar menyimpan satu salinan surat kuasa wakil (*power of attorney*) yang dikembarkan dengan sesuatu suratcara urusan. Tindakan ini tidak perlu diambil jika satu salinan surat kuasa telahpun difailkan di Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah. Bayaran memfailkan salinan surat kuasa wakil adalah dikenakan menurut kadar di dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri.

2. Di bawah perenggan 310(1)(a) Kanun Tanah Negara Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah adalah dikehendaki membandingkan salinan surat kuasa wakil yang akan difailkan itu dengan salah satu daripada surat kuasa wakil yang berikut:-

- 2.1 surat kuasa wakil salinan pejabat (*office copy of the power of attorney*) yang disahkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi; atau
- 2.2 surat kuasa wakil asal yang telah dibuat khas untuk urusan jual beli tanah.

Setelah membandingkan kedua-dua surat kuasa wakil itu Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah dikehendaki mencatatkan satu ingatan pada salinan surat kuasa wakil yang akan difailkan itu seperti berikut:-

“Telah dibandingkan dengan surat kuasa wakil salinan pejabat/surat kuasa wakil asal pada hb. 20.....

Pendaftar Hakmilik/Pentadbir Tanah.”

Satu ingatan seperti di bawah ini perlu juga ditulis pada suratcara urusan dan pada surat kuasa wakil salinan pejabat atau surat kuasa wakil asal itu:-

“Salinan surat kuasa wakil yang telah dibandingkan telah difailkan di Jilid
Folio pada hb. 20

Pendaftar Hakmilik/Pentadbir Tanah.”

3. Seksyen 311 memperuntukkan bahawa Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah boleh menghendaki pemegang kuasa atau memberi kuasa menyampaikan satu akuan berkanun (surat sumpah) atau keterangan lain yang dibuat dengan bersumpah atau pengakuan bahawa surat kuasa wakil itu masih berkuat kuasa pada masa suratcara urusan itu disempurnakan. Adalah dinasihatkan tindakan ini hanya perlu diambil jika ada keraguan tentang sahnyanya surat kuasa wakil itu.

4. Salinan-salinan surat kuasa wakil yang difailkan di Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah hendaklah dikemaskinikan dari masa ke semasa. Jika sesuatu surat kuasa wakil itu dibatalkan, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah membuat ingatan seperti berikut di atas salinan yang difailkan itu:-

“Pembatalan berkuat kuasa/Notis pembatalan difailkan di Mahkamah Tinggi
pada hb. 20.....

Tarikh:

Pendaftar/Pentadbir Tanah.”

Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah juga membuat ingatan di atas surat kuasa wakil asal atau surat kuasa wakil salinan pejabat yang telah dikemukakan itu seperti berikut:-

“Pembatalan telah dicatatkan pada salinan surat kuasa wakil pada hb.
20.....

Pendaftar/Pentadbir Tanah.”

5. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah diminta supaya mengambil perhatian mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil ke atas salinan surat kuasa-surat kuasa wakil yang diterima untuk difailkan di Pejabat-pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah sebagaimana yang dinyatakan di perenggan-perenggan di atas.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan